

BAB 4

PERMASALAHAN SAUDARA BARUDI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN CADANGAN PENYELESAIANNYA

4.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan penerangan terhadap hasil analisa data yang diperolehi daripada kaji selidik terhadap Saudara Baru. Kaji selidik ini terdiri daripada persoalan-persoalan yang merangkumi jenis agama asal responden, pemahaman terhadap pelajaran agama di kelas, penerimaan status Saudara Baru oleh keluarga, tempoh masa belajar dan lain-lain. Soalan yang ditanya melalui kertas kaji selidik atau kertas soalan dibuat setelah berbincang dengan penyelia Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari. Soalan-soalan tersebut terdiri daripada dua bahagian iaitu berbentuk objektif dan subjektif. Bagi Saudara Baru yang tidak tahu membaca dan menulis, penulis telah memberi perkhidmatan membaca, menerangkan makna soalan pada Saudara Baru dan setiap jawapan yang diberikan ditulis oleh penulis sendiri.

4.1 SAMPEL KAJIAN


Kajian ini dijalankan terhadap Saudara Baru yang mengikuti kelas bimbingan agama Islam di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Penulis telah mengedarkan sebanyak 100 soal selidik untuk 100 responden. Tetapi daripada 100 soal selidik yang diedarkan, penulis hanya menerima kembali sebanyak 74 sahaja. Manakala sebanyak 26 soal selidik pula tidak diisi oleh responden. Soalan yang ditanya amat mudah, sesuai dijawab dengan kebolehan yang ada pada seseorang

Saudara Baru yang telah mengikuti kelas pengajian untuk Saudara Baru lebih dari satu tahun. Antara soalan-soalan yang telah ditanya adalah seperti berikut:-

Jenis Agama Asal Responden

Berdasarkan carta 1 dan jadual 1 agama asal responden di bawah, ia menunjukkan bahawa responden yang paling tinggi adalah terdiri dari kalangan agama Kristian dengan bilangan seramai 36 orang atau 48.6 peratus. Kedua tertinggi adalah diikuti oleh responden yang pernah menganut agama Buddha iaitu seramai 21 orang atau 28.4 peratus, tiada agama 7 orang atau 9.5 peratus, agama Hindu 6 orang atau 8.1 peratus, dan agama Sikh 2 orang atau 2.7 peratus. Agama asal iaitu menyembah nenek moyang dan pagan adalah yang paling rendah dengan jumlah masing-masing seramai seorang atau 1.4 peratus.

Carta 1: Jenis Agama Asal Responden



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 1: Jenis Agama Asal Responden


Agama Asal	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Kristian	36	48.6
Hindu	6	8.1
Buddha	21	28.4
Sikh	2	2.7
Tiada agama	7	9.5
Pagan	1	1.4
Sembah nenek moyang	1	1.4
JUMLAH	74	100.00

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Faktor Responden Memeluk Agama Islam

Kebenaran agama Islam merupakan faktor utama responden memeluk agama Islam di mana seramai 33 orang atau 33 peratus telah memeluk agama Islam kerana faktor tersebut. Faktor kedua tertinggi adalah disebabkan oleh perkahwinan dan ketidakpercayaan dengan agama asal iaitu dengan jumlah masing-masing seramai 15 orang atau 20.3 peratus. Manakala yang selebihnya adalah disebabkan oleh faktor ajakan kawan-kawan, untuk mendapatkan kemudahan dan disebabkan semua ahli keluarga memeluk agama Islam iaitu masing-masing sebanyak 6 orang atau 8.1 peratus, 4 orang atau 5.4 peratus dan 1 orang atau 1.4 peratus. Hal ini ditunjukkan seperti dalam carta 2 dan jadual 2 di bawah.

Carta 2: Faktor Responden Memeluk Agama Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 2: Faktor Responden Memeluk Agama Islam


Faktor Memeluk Agama Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Perkahwinan	15	20.3
Ajakan kawan-kawan	6	8.1
Untuk mendapatkan pelbagai kemudahan	4	5.4
Kerana kebenaran agama Islam	33	44.6
Tidak yakin dengan kebenaran agama asal	15	20.3
Semua ahli keluarga memeluk Islam	1	1.4
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Tempat Responden Mempelajari Agama Islam

Terdapat dua tempat responden mempelajari agama Islam iaitu di JAWI dan PERKIM. Majoriti daripada responden iaitu seramai 63 orang atau 85.1 peratus mempelajari agama Islam di JAWI berbanding yang selebihnya iaitu seramai 11 orang lagi atau 14.9 peratus belajar di PERKIM. Ianya ditunjukkan melalui carta 3 dan jadual 3 di bawah.

Carta 3: Tempat Responden Mempelajari Agama Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 3: Tempat Responden Mempelajari Agama Islam

Tempat Belajar Agama Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
JAWI	63	85.1
PERKIM	11	14.9
JUMLAH	74	100.0


Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Adakah Responden Mempelajari Agama Setelah Memeluk Agama Islam.

Berdasarkan carta 4 dan jadual 4 di bawah, seramai 66 orang atau 89.2 peratus menunjukkan bahawa mereka masih mempelajari agama Islam setelah memeluk

agama Islam. Manakala seramai 8 orang lagi atau 10.8 peratus tidak mempelajari agama setelah memeluk agama Islam. Mereka tidak belajar agama kerana menghadapi masalah kewangan ke tempat belajar dan masalah waktu bekerja bersamaan dengan waktu kelas bimbingan agama atau memang malas belajar.

Carta 4: Adakah Responden Mempelajari Agama Setelah Memeluk Agama Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 4: Adakah Responden Mempelajari Agama Setelah Memeluk Agama Islam


Adakah Mempelajari Agama Setelah Memeluk Agama Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Ya	66	89.2
Tidak	8	10.8
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Perasaan Ahli Keluarga dan Saudara Mara Responden

Berdasarkan carta 5 dan jadual 5 di bawah, kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara responden menunjukkan rasa gembira kerana responden memeluk agama Islam di mana terdapat sebanyak 27 orang atau 36.5 peratus. Pada mulanya ada ahli keluarga tidak setuju atau tidak puas hati dengan tindakan ahli keluarganya memeluk agama Islam, tetapi apabila memeluk Islam seseorang Saudara Baru menunjukkan budaya Islam yang murni dan Indah dalam kehidupan hariannya akan membuatkan ramai ahli keluarga yang gembira dengan tingkah laku seseorang Saudara Baru tersebut.

Carta 5: Perasaan Ahli Keluarga dan Saudara Mara Responden



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 5: Perasaan Ahli Keluarga dan Saudara Mara Responden


Perasaan Ahli Keluarga dan Saudara Mara	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Gembira	27	36.5
Sedih	18	24.3
Marah dan tidak boleh menerimanya	22	29.7
Mengugut untuk mencederakan anda	3	4.1
Seperti biasa	4	5.4
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Tempoh Memeluk Agama Islam

Carta 6 dan jadual 6 dibawah menunjukkan tempoh masa para responden telah memeluk agama Islam. Berdasarkan jadual dan carta berkenaan, tempoh masa yang paling tinggi ialah tempoh satu hingga tiga tahun iaitu seramai 31 orang responden atau sebanyak 41.9 peratus dan paling rendah pula ialah sebanyak 2.3 peratus atau seramai 2 orang responden iaitu dalam tempoh enam hingga sembilan tahun telah memeluk agama Islam. Kemudian diikuti dengan tempoh memeluk agama Islam melebihi 10 tahun yang mendapat peratusan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 39.2 peratus berbanding tempoh yang lain iaitu tempoh empat hingga enam tahun dan kurang dari satu tahun dengan masing-masing sebanyak 12.2 peratus atau sembilan orang responden dan 4.1 peratus atau sebanyak 3 orang responden.

Carta 6: Tempoh Memeluk Agama Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 6: Tempoh Memeluk Agama Islam


Tempoh Memeluk Agama Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Kurang dari 1 tahun	3	4.1
1 hingga 3 tahun	31	41.9
4 hingga 6 tahun	9	12.2
6 hingga 9 tahun	2	2.7
Lebih dari 10 tahun	29	39.2
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Tahap Kebolehan Mengaji al-Qur'an

Carta 7 dan jadual 7 di bawah menunjukkan tahap kebolehn para responden mengaji al-Qur'an. Berdasarkan carta, peratusan yang paling tinggi ialah sebanyak 52.7 peratus atau seramai 39 orang iaitu kebolehan yang hanya sedikit-sedikit. Manakala peratusan yang paling rendah pula ialah kumpulan responden yang boleh mengaji al-Qur'an iaitu sebanyak 16.2 peratus atau seramai 12 orang responden. Seterusnya pula, kumpulan responden yang tidak boleh membaca al-Qur'an menunjukkan peratusan yang pertengahan iaitu sebanyak 31.1 peratus atau seramai 23 orang responden. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebolehan penguasaan al-Qur'an oleh para responden iaitu Saudara Baru dalam agama Islam berada pada tahap yang masih rendah iaitu melebihi 50 peratus responden. Hal ini di sebabkan oleh kekangan masa untuk ke kelas dan kekurangan motivasi untuk ke kelas pengajian .

Carta 7: Tahap Kebolehan Mengaji Al-Qur'an



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 7: Tahap Kebolehan Mengaji Al-Qur'an


Tahap Kebolehan Mengaji Al-Qur'an	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Boleh	12	16.2
Tidak boleh	23	31.1
Sedikit-sedikit	39	52.7
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Tempoh Mempelajari Agama Islam

Carta 8 di bawah menunjukkan tempoh mempelajari agama Islam oleh para responden. Peratusan paling tinggi adalah kumpulan tempoh satu hingga lima tahun iaitu sebanyak 62.2 peratus atau seramai 46 orang diikuti dengan kumpulan yang tempohnya kurang dari satu tahun iaitu sebanyak 17 orang atau 23 peratus. Manakala bagi kumpulan yang tempoh mempelajari agama Islam selama 11 hingga 15 tahun dan kurang dari 20 tahun mempunyai peratusan yang sama iaitu 2.7 peratus atau 2 orang responden iaitu kumpulan yang paling rendah antara kumpulan yang lain. Bagi kumpulan yang mempelajari agama Islam selama enam hingga sepuluh tahun pula mempunyai 9.5 peratus atau tujuh orang responden. Keadaan ini berlaku kerana Saudara Baru tidak dapat menerima pelajaran yang sempurna kerana masalah kerap kali tidak hadir ke kelas, tenaga pengajar kurang berkebolehan, masalah tempat belajar yang jauh dari tempat kediaman Saudara Baru, masalah pengangkutan, masalah kekurangan wang, sibuk dengan tugas harian yang banyak dan sebagainya.

Carta 8: Tempoh Mempelajari Agama Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 8: Tempoh Mempelajari Agama Islam

Tempoh Mempelajari Agama Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Kurang dari 1 tahun	17	23.0
1 hingga 5 tahun	46	62.2
6 hingga 10 tahun	7	9.5
11 hingga 15 tahun	2	2.7
16 hingga 20 tahun	0	0.0
Lebih dari 20 tahun	2	2.7
JUMLAH	74	100.0


Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Pengetahuan Mengenai Jumlah Juz di dalam al-Qur'an

Carta 9 dan Jadual 9 pula menunjukkan kemampuan dan pengetahuan responden tentang al-Qur'an yang mempunyai berapa juz. Peratusan yang paling tinggi ialah sebanyak 77 peratus iaitu seramai 57 orang responden yang mengatakan

bahawa al-Qur'an mempunyai 30 juz dan peratusan yang paling rendah ialah kumpulan yang mengatakan bahawa al-Qur'an mempunyai 25 juz. Manakala kumpulan yang tidak tahu tentang jumlah juz dalam al-Qur'an berada pada tempat kedua tertinggi iaitu sebanyak 10.8 peratus atau 8 orang responden dan diikuti dengan kumpulan yang mengatakan al-Qur'an mempunyai 40 juz iaitu seramai 5 orang responden atau 6.8 peratus. Berdasarkan keadaan ini, dapat digambarkan bahawa pengetahuan terhadap al-Qur'an agak kurang didalam kalangan responden ini kerana terdapat responden yang gagal mengetahui jumlah sebenar juz dalam al-Qur'an.

Carta 9: Jumlah Juz di dalam Al-Qur'an



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 9: Jumlah Juz di dalam Al-Qur'an


Jumlah Juz Dalam Al-Qur'an	Bilangan Responden	Peratusan (%)
25	4	5.4
30	57	77.0
40	5	6.8
Tidak tahu	8	10.8
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Surah yang Paling Panjang dalam al-Qur'an

Carta 10 dan Jadual 10 di bawah juga menunjukkan pengetahuan responden terhadap al-Qur'an iaitu pengujian terhadap surah yang paling panjang di dalam al-Qur'an. Berdasarkan carta, kumpulan yang paling tinggi peratusannya ialah kumpulan yang mengatakan bahawa surah yang paling panjang adalah surah al-Baqarah iaitu sebanyak 70.3 peratus atau seramai 52 orang diikuti dengan kumpulan yang memberikan jawapan terhadap surah yang lain iaitu surah al-Fatihah seramai 6 orang atau 6.1 peratus yang merupakan tempat ketiga terbanyak berbanding kumpulan yang mengatakan surah al-A'nam dan al-Kauthar yang kedua-duanya adalah sebanyak 4.1 peratus atau 3 orang responden. Manakala begi tempat kedua tertinggi pula ialah kumpulan yang memberi jawapan tidak tahu bagi soalan ini iaitu seramai 10 orang responden atau sebanyak 13.5 peratus dari jumlah keseluruhan.

Carta 10: Surah Yang Paling Panjang Dalam Al-Qur'an



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 10: Surah Yang Paling Panjang Dalam Al-Qur'an


Surah Yang Paling Panjang Dalam Al-Qur'an	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Al-Fatihah	6	8.1
Al-Baqarah	52	70.3
Al-An'am	3	4.1
Al-Kauthar	3	4.1
Tidak tahu	10	13.5
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Pemahaman Tentang Sifat 20

Carta 11 dan jadual 11 berikutnya menunjukkan peratusan pemahaman responden terhadap Sifat 20 bagi Allah S.W.T. Berdasarkan carta, kumpulan yang mengatakan Ya pada pemahaman sifat 20 adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan responden yang mengatakan Tidak iaitu masing-masing sebanyak 58.1 peratus atau seramai 43 orang dan 41.9 peratus atau seramai 31 orang responden. Berdasarkan jadual, perbezaan yang ditunjukkan adalah sebanyak 16.8 peratus atau seramai 12 orang responden antara kedua-dua kumpulan berkenaan. Carta 14:

Pemahaman Responden Tentang Sifat 20



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 11: Pemahaman Responden Tentang Sifat 20


Pemahaman Tentang Sifat 20	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Ya	43	58.1
Tidak	31	41.9
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Orang Baik Hati Dan Alim Boleh Bermimpikan Allah S.W.T

Carta 12 dan jadual 12 di bawah menunjukkan jawapan bagi soalan sama ada individu yang pandai mengaji al-Qur'an, Solat, baik hati dan alim dalam agama akan dapat bermimpikan Allah S.W.T. Berdasarkan kumpulan yang mengatakan Ya dan Tidak, kumpulan yang mengatakan Tidak adalah lebih dominan berbanding yang mengatakan Ya pada soalan berkenaan. Kumpulan yang mengatakan Tidak adalah sebanyak 51.4 peratus atau sebanyak 38 orang manakala kumpulan yang mengatakan Ya adalah 48.6 peratus atau seramai 36 orang responden. Berdasarkan carta berkenaan, dapat dilihat bahawa perbezaan jumlah responden adalah hanya sebanyak dua orang responden sahaja. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden masih dipengaruhi oleh pengetahuan agama asal kerana berfikir bahawa manusia mampu untuk bermimpikan Tuhan. Soalan ini ditanya kepada para pelajar di kelas bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru kerana dari observasi penulis yang juga sebagai seorang Saudara Baru dan pernah mengikuti kelas-kelas bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru mendapati ramai juga Saudara Baru mempunyai fikiran yang masih sama dengan agama terdahulu dalam beberapa hal walaupun sudah memeluk agama Islam.

Carta 12: Adakah Orang Yang Baik Hati Dan Alim Boleh Bermimpikan Allah S.W.T?



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 12: Adakah Yang Baik Hati Dan Alim Boleh Bermimpikan Allah S.W.T?


Adakah Boleh Bermimpikan Allah S.W.T	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Ya	36	48.6
Tidak	38	51.4
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Kebolehan Mengecam Nama Malaikat

Carta 13 dan jadual 13 di bawah menunjukkan pengujian tahap pengetahuan responden terhadap nama-nama malaikat. Berdasarkan carta, peratusan yang paling tinggi ialah sebanyak 81.1 peratus atau seramai 60 orang responden yang memberi jawapan Israfil dan paling rendah dengan peratusan 2.7 peratus adalah kumpulan yang memberi jawapan tidak tahu. Manakala bagi kumpulan yang memberikan jawapan Nabi Muhammad S.A.W dan Nabi Adam a.s masing-masing dengan peratusan 12.2 peratus atau sembilan orang dan 4.1 peratus atau 3 orang responden sahaja.

Carta 13: Salah Satu Malaikat



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 13: Salah Satu Malaikat


Salah Satu Malaikat	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Nabi Muhammad S.A.W	9	12.2
Israfil	60	81.1
Nabi Adam a.s	3	4.1
Tidak tahu	2	2.7
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jumlah Rukun Islam

Carta 14 dan jadual 14 di bawah menunjukkan pengujian pengetahuan tentang jumlah rukun Islam. Berdasarkan carta kumpulan yang memberi jawapan rukun Islamada enam perkara adalah sangat sedikit iaitu hanya seramai 5 orang responden atau 6.8 peratus sahaja berbanding dengan kumpulan yang memberi jawapan rukun Islam adalah lima perkara iaitu 93.2 peratus atau seramai 69 orang responden. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan pengetahuan responden tentang rukun Islam adalah tinggi.

Carta 14: Jumlah Rukun Islam



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 14: Jumlah Rukun Islam


Jumlah Rukun Islam	Bilangan Responden	Peratusan (%)
5 perkara	69	93.2
6 perkara	5	6.8
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Mengenalpasti salah satu Rukun Iman

Carta 15 dan Jadual 15 dibawah menunjukkan peratusan kebolehan para responden mengenalpasti dan membezakan rukun Iman dan Islam serta memilih jawapan yang merupakan rukun Iman. Berdasarkan carta, peratusan yang paling tinggi adalah sebanyak 67.6 peratus atau 50 orang responden iaitu pada pernyataan Kepercayaan Kepada Malaikat dan peratusan yang paling rendah ialah pada pernyataan mengeluarkan zakat iaitu hanya seorang responden. Manakala bagi kumpulan yang menjawab sembahyang lima waktu dan berpuasa dalam bulan Ramadhan masing-masing adalah sebanyak 18.9 peratus dan 9.5 peratus. Bagi kumpulan yang memberi jawapan tidak tahu pula adalah 2.7 peratus atau hanya 2 orang responden sahaja. Ini menunjukkan kemampuan responden untuk membezakan dan mengenalpasti rukun Iman dan Islam berada pada tahap yang agak baik.

Carta 15: Salah Satu Rukun Iman



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 15: Salah Satu Rukun Iman

Salah Satu Rukun Iman	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Berpuasa dalam bulan ramadhan	7	9.5
Sembahyang 5 waktu	14	18.9
Kepercayaan kepada malaikat	50	67.6
Mengeluarkan zakat	1	1.4
Tidak tahu	2	2.7
JUMLAH	74	100.0


Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jumlah Rukun Sembahyang

Carta 16 dan jadual 16 di bawah menunjukkan jumlah rukun sembahyang. Kumpulan yang memberi jawapan bahawa rukun sembahyang adalah sebanyak 13 perkara adalah paling tinggi iaitu sebanyak 95.9 peratus atau seramai 71 orang responden sementara kumpulan yang paling rendah adalah kumpulan yang memberi jawapan rukun sembahyang adalah 15 perkara iaitu sebanyak 1.4 peratus sahaja.

Manakala bagi jawapan tidak tahu pula adalah sebanyak 2.7 peratus atau seramai 2 orang sahaja.

Carta 16: Jumlah Rukun Sembahyang



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 16: Jumlah Rukun Sembahyang

Jumlah Rukun Sembahyang	Bilangan Responden	Peratusan (%)
13	71	95.9
15	1	1.4
Tidak tahu	2	2.7
JUMLAH	74	100.0


Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Pengetahuan Tentang Salah Satu Rukun Sembahyang

Carta 17 dan Jadual 17 di bawah menunjukkan pemilihan salah satu rukun sembahyang. Berdasarkan carta, peratusan yang paling tinggi ialah kumpulan yang mengatakan niat sebagai pilihan jawapan. Kumpulan ini mendapat peratusan sebanyak 75.7 peratus atau seramai 56 orang diikuti oleh kumpulan yang mengatakan berwuduk iaitu sebanyak 12.2 peratus atau 9 orang dan membasuh muka sebanyak

8.1 peratus atau 6 orang. Kemudian diikuti pula dengan kumpulan yang memilih azan sebagai jawapan iaitu sebanyak 1.4 peratus dan merupakan jumlah peratusan yang paling rendah. Bagi jawapan tidak tahu pula, peratusan adalah sebanyak 2,7 peratus atau 2 orang responden sahaja.

Carta 17: Salah Satu Rukun Sembahyang



Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Jadual 17: Salah Satu Rukun Sembahyang

Salah Satu Rukun Sembahyang	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Berwuduk	9	12.2
Azan	1	1.4
Niat	56	75.7
Basuh muka	6	8.1
Tidak tahu	2	2.7
JUMLAH	74	100.0

Sumber: Soal selidik, bertarikh 15.03.2010

Kesimpulannya didapati ramai Saudara Baru menghadapi masalah dalam memahami pelajaran agama. Ini adalah berdasarkan dari faktor tempoh masa belajar di kelas bimbingan agama Islam Saudara Baru yang agak singkat, kehadiran ke kelas yang kurang memuaskan, tenaga pengajar yang kurang cekap, kerana kemalasan dan lain-lain lagi. Kefahaman mereka terhadap perkara-perkara asas berkaitan Rukun Iman, Rukun Islam, Rukun Solat, malaikat, perkara asas dalam al-Qur'an dan sifat 20 adalah kurang memuaskan.

Jika dilihat daripada tempoh masa Saudara Baru yang dikaji, didapati majoritinya telah mengikuti kelas pengajian untuk Saudara Baru lebih daripada setahun. Sewajarnya bagi tempoh tersebut pengetahuan mereka terhadap pengetahuan perkara-perkara asas dalam agama seperti Rukun Islam, Rukun Iman, Rukun Solat, jumlah juz dalam al-Qur'an, surah yang terpanjang dalam al-Qur'an, nama malaikat, sifat 20 tidak menjadi masalah malah sewajarnya telah dipraktikkan dalam kehidupan harian mereka agar ilmu agama Islam ini dapat memantapkan pegangan agama Islam dalam jiwa setiap Saudara Baru.

Jika dibandingkan dengan Saudara Baru yang menuntut di kelas-kelas pondok, tempoh setahun ini sudah cukup untuk mereka mengetahui asas-asas pelajaran agama Islam secara mendalam. Malah terdapat ramai Saudara Baru yang pandai mengaji al-Qur'an dalam tempoh tiga tahun belajar di sekolah-sekolah pondok.

Perkara ini berlaku dipercayai kerana kurangnya usaha dan minat di dalam kalangan para Saudara Baru untuk belajar agama Islam dan juga faktor-faktor pengajaran dari segi silibus pengajaran, tenaga pengajar yang kurang mahir, waktu pembelajaran, tidak diberikan kerja rumah dan lain-lain faktor lagi. Oleh yang demikian tindakan yang wajar diambil segera bagi mengatasi masalah di atas supaya Saudara Baru dapat mempelajari ilmu agama Islam dengan cara yang betul serta untuk memantapkan pegangan agama Islam dalam kalangan Saudara Baru.

4.2 CADANGAN PENYELESAIAN KEPADA PERMASALAHAN SAUDARA BARU

Setelah membincangkan latarbelakang Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta masalah yang dihadapi oleh para responden sebelum dan setelah mereka memeluk agama Islam, maka di sini akan dibincangkan cadangan penyelesaiannya. Cadangan penyelesaian ini diutarakan setelah penelitian dilakukan terhadap masalah yang dikaji samada melalui wawancara dan observasi yang disokong juga oleh soal selidik serta perjumpaan dan perbincangan yang dibuat dengan beberapa tokoh agama Islam yang terdiri daripada pakar akademik seperti bekas Profesor Madya Dr Suwaid Tapah dari Universiti Malaya, Profesor Zulkipie bin Abd. Ghani dari Universiti Sains Islam Malaysia, para tenaga pengajar di kelas bimbingan agama Islam seperti Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof dan Ustazah Nik Esmeera bt. Nik Mustapha dari JAWI, serta tokoh agama di kalangan Saudara Baru seperti Ustaz Haji Ann Wan Seng dari MACMA, Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dari PERKIM dan Ustaz Amran bin Abdullah dari PERKIM dan Saudara Baru yang terdiri daripada 30 orang responden yang juga terlibat dengan soal selidik.

Idea, kata nasihat dan pandangan mereka ini dianalisis dan dikemukakan dalam bab ini. Antara metode penyelesaian yang dicadangkan bagi mengatasi atau pun sekurang-kurangnya mengurangi permasalahan yang dihadapi oleh Saudara Baru ini ialah seperti berikut:

a) Kesedaran DiPupuk Di Dalam Kalangan Masyarakat Melayu

Kesedaran haruslah dipupuk dalam kalangan masyarakat Melayu yang menjadi masyarakat utama atau teramai sekali menjadi penganut Islam untuk menerima Saudara Baru sebagai saudara mereka. Adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memberi bimbingan agama dan perlindungan kepada Saudara Baru seperti yang dijelaskan dalam ayat-ayat al-Qur'an. Para pemimpin tempatan dan tokoh-tokoh agama seperti para ulama, mufti, cendiakiawan Islam, imam dan ustaz hendaklah memainkan peranan yang penting dalam memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu untuk menerima Saudara Baru sebagai saudara sesama Islam tanpa sebarang prejudis serta tidak menganggap golongan ini sebagai golongan kelas kedua.²¹⁵ Pelbagai media massa boleh digunakan untuk memupuk kesedaran di dalam kalangan orang Melayu seperti mengguna media elektronik dan media cetak. Media elektronik adalah seperti penggunaan televisyen, radio, internet manakala media cetak adalah seperti surat khabar, majalah, buletin dan papan-papan tanda.²¹⁶

Pelbagai program dan aktiviti yang disertai bersama oleh masyarakat Melayu dan para Saudara Baru hendaklah dianjurkan secara kerap kali supaya kedua-dua

²¹⁵ Azhar bin Yaakub @ Ariffin (2000), "Murtad di Kalangan Saudara baru Keturunan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 109; Nicholas Sylvester (2008), *Jom Berdakwah*, Selangor: Percetakan maju Jaya, h. 58.

²¹⁶ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

pihak ini dapat sentiasa bersama dan mengenali antara satu sama lain secara lebih erat lagi. Agensi kerajaan dan swasta yang mengendalikan hal ehwal Saudara Baru harus memainkan peranan penting dalam perkara ini.²¹⁷

Agensi kerajaan yang dimaksudkan adalah seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAWI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Masjid Negara, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan agensi-agensi swasta seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Malaysian Chinese Muslim Ummah (MACMA), Persekutuan Persatuan India Muslim Malaysia (PERMIM).²¹⁸ Agensi-Agensi kerajaan dan swasta ini hendaklah memikul tanggungjawab untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti atau program yang boleh mengeratkan lagi tali silaturahim antara masyarakat Melayu Islam dan para Saudara.

Malah berdasarkan observasi dan pemerhatian ikut serta pengkaji²¹⁹ dalam banyak program yang dianjurkan oleh pihak-pihak ini mendapati masih banyak usaha yang perlu dipertingkatkan lagi agar masyarakat Melayu dapat menerima kehadiran Saudara Baru dalam kehidupan mereka seharian. Antara program yang boleh dibuat ialah seperti program hari keluarga, program mengembara, bacaan tahlil, sambutan Maulidur Rasul, aktiviti sukan dan sebagainya. Di dalam program-program sebegini hendaklah disulami perasaan kasih sayang antara kedua-dua pihak seperti yang

²¹⁷Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

²¹⁸Sila lihat juga pandangan yang diutarakan oleh Azhar bin Yaakub @ Ariffin (2000), *op.cit.*, h. 131.

²¹⁹Pengkaji seringkali ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam.

dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W pada zamannya di mana kaum Ansar Madinah telah menunjukkan kasih sayang yang tinggi terhadap kaum Islam Muhajirin.²²⁰

Tanda kasih sayang ini telah memberi peluang yang baik untuk Nabi Muhammad S.A.W untuk mendakwahi para pengikutnya untuk membentuk akidah dan akhlak Islam yang sangat tinggi sehingga para pengikutnya menjadi paling setia kepada Baginda S.A.W. Kewujudan kasih sayang ini juga menjadi salah satu sebab kepada penaklukan tentera Islam pimpinan Rasulullah S.A.W ke atas tanah Mekah dengan mudah dan tanpa pertumpahan darah.²²¹ Kasih sayang antara kaum Ansar dan Muhajirin ini telah melenyapkan amalan penyembahan berhala di Mekah dan tanah Mekah ini bertukar menjadi tempat ibadat orang-orang Islam yang terkenal dan termasyhur di dunia ini. Dan sebagai balasannya Allah S.W.T telah menjanjikan balasan yang baik kepada para pengikut Rasulullah S.A.W di akhirat nanti.

Setiap amal kebajikan baik oleh orang-orang beriman ada balasan baik disisi Allah S.W.T²²² oleh itu disyorkan supaya masyarakat Melayu menunjukkan kasih sayang dan membuat amal kebajikan terhadap para Saudara Baru supaya kedua-dua pihak dapat membentuk keimanan dan ketaqwaan yang jitu di sisi Allah S.W.T untuk kebaikan agama Islam dan mendapat rahmat-Nya di akhirat kelak. Dengan adanya

²²⁰ Mahayuddin Yahya (1993), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 15; Abu Mohd Talha al-Khairi (2009), *Teladan Sepanjang Zaman Peribadi Nabi Anugerah Suci*, Batu Caves: Thinking Library, h. 531.

²²¹ Asghar Ali Engineer (1990), *The Origins and Development of Islam*, Kuala Lumpur: Iqraq, h. 75.

²²² Surah Al-Haj ayat ke -77, Allah S.W.T berfirman Wahai orang-orang beriman ruku'lah, serta sujudlah dan beribadatlh kepada Tuhan kamu serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (didunia dan akhirat).

kasih sayang dan perhatian di kalangan masyarakat Melayu boleh membuatkan para Saudara Baru mendapat bimbingan agama Islam dengan sempurna untuk melahirkan para Muslim sejati, pendakwah Islam, cendekiawan Islam, pemikir Islam di kalangan mereka yang mungkin sehebat kaum Muhajirin di zaman Baginda S.A.W. Malahan, sekiranya ada kerjasama antara satu sama lain, saling memahami, saling mengambil berat serta saling menyayangi dapat dipupuk di antara orang Melayu dan Saudara Baru, masalah yang menimpa para Saudara Baru dapat dielakkan atau dapat dikurangkan. Sebagai balasan kebaikan yang dilakukan oleh para Saudara Baru dapat dikongsi bersama oleh masyarakat Melayu.²²³

Selain itu, para guru di sekolah juga harus memainkan peranan yang penting untuk menyedarkan kepentingan orang Melayu menerima Saudara Baru dan melayan mereka seperti saudara Islam. Guru mestilah menyedarkan para murid dari bangku sekolah lagi tentang ganjaran pahala yang tinggi kerana membantu atau melayan Saudara Baru dengan baik.²²⁴ Pihak Jabatan Pendidikan peringkat pusat atau negeri bersama-sama pihak sekolah boleh mengadakan program-program bersama ibu-bapa dan masyarakat tempatan. Di dalam program ini pihak-pihak yang berkenaan boleh menyelitikan atau menerapkan persoalan mengenai pentingnya sokongan orang-orang Melayu terhadap Saudara Baru.²²⁵

²²³ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

²²⁴ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

²²⁵ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

b) Memberi Kata Nasihat Kepada Ahli Keluarga Saudara Baru

Pihak kerajaan mahupun swasta melalui badan-badan dakwah hendaklah berjumpa dengan ahli keluarga Saudara Baru seperti mengadakan aktiviti kunjung mengunjung ke rumah Saudara Baru dan keluarganya untuk menerangkan kehendak ahli keluarga tersebut yang menjadi Saudara Baru secara penuh hormat dan sopan. Keluarga Saudara Baru hendaklah diberi keyakinan bahawa penghidupan sebagai Muslim akan memberi banyak faedah kepada Saudara Baru dari segi rohaniah dan jasmaniah. Contoh-contoh Saudara Baru yang berjaya dalam hidup mereka dengan pembentukan peribadi yang mulia hendaklah dibuktikan. Keluarga Saudara Baru hendaklah diyakinkan bahawa pemeluk Islam oleh orang bukan Islam tidak akan menjejaskan hubungan kekeluargaan mereka malah Saudara Baru akan lebih menghormati dan akan menunjukkan nilai-nilai hidup lebih murni seperti lebih mesra, berakhlak yang baik, suka tolong menolong, hormat orang-orang tua, amanah, jujur, rajin serta menjauhi daripada perbuatan yang diteguh dalam Islam seperti terlibat dalam aktiviti riba, minum arak, berjudi, berzina, berfoya-foya, kurang sopan, pemalas, penipu, tidak hormat pada orang lain dan sebagainya. Kunjungan oleh badan-badan dakwah ini hendaklah dibuat secara kerap sehingga keluarga Saudara Baru gembira dan puas hati dengan pemeluk Islam oleh ahli keluarga mereka.²²⁶

c) Wujudkan Satu Garis Panduan Di Jabatan Kerajaan

Jabatan-jabatan kerajaan juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menangani masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru. Justeru, jabatan-jabatan kerajaan hendaklah mengadakan satu garis panduan dalam pentadbiran mereka agar

²²⁶ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi dan temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 2.00 petang.

setiap Saudara Baru yang bekerja di jabatan mereka dilayan dengan baik dan kebajikan mereka dipelihara. Setiap kakitangan dalam jabatan masing-masing hendaklah disarankan supaya menunjukkan sikap kasih sayang terhadap kakitangan mereka yang memeluk Islam.²²⁷ Menurut pelajar kelas bimbingan Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur iaitu Kak Aisyah, hal ini amat penting dalam membantu Saudara Baru membina keyakinan bahawa mereka diterima dan dilayani sebagaimana pekerja-pekerja lain, di samping mengurangkan rasa ketidakselesaan mereka yang bertukar agama yang sekaligus menyebabkan penukaran cara hidup dan budaya fikir mereka.²²⁸ Badan-badan dakwah Islamiyah yang ditubuhkan di setiap jabatan kerajaan haruslah memainkan peranan yang penting dalam menjaga kebajikan Saudara Baru supaya penghayatan Islam oleh para Saudara Baru lebih mantap dan berkesan sehingga mereka boleh menghayati cara hidup Islam yang sebenarnya. Ini memandangkan sekiranya dibiarkan Saudara Baru sendiri yang berusaha mengharungi jalan baru dalam kehidupan mereka, situasi ini akan menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang keletihan dan kecundang di tengah jalan disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka²²⁹.

d) Bimbingan dan Latihan Untuk Saudara Baru

Bimbingan dan latihan secukupnya perlu disediakan kepada para Saudara Baru dan prosesnya mestilah berterusan.²³⁰ Pihak JAKIM dan JAWI hendaklah melatih dan memilih tenaga pengajar dari kalangan Saudara Baru untuk membimbing para Saudara Baru di kelas-kelas pengajian Islam. Perkara ini perlu kerana kasih

²²⁷ Temubual dengan tenaga pengajar di Kelas Bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur Ustaz MD.Tahir bin MD. Yusof, di JAWI pada 15.03.2010.

²²⁸ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

²²⁹ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

²³⁰ Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 76.

sayang di antara Saudara Baru dan pengajar akan lebih mesra kerana tenaga pengajar lebih faham gaya hidup dan kehendak Saudara Baru. Sekurang-kurangnya Saudara Baru boleh memantapkan pengetahuan dan pegangan Islamnya sebagai tenaga pengajar, kerana untuk menjadi tenaga pengajar ia perlukan banyak pembacaan dan pengamatan Islam yang baik.²³¹ Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa para Saudara Baru di Wilayah Persekutuan adalah terdiri daripada pelbagai bangsa seperti orang tempatan dari bangsa Cina, India, Sikh, Kadazan, Iban, Portugis dan lain-lain serta bangsa asing seperti orang Filipina, Inggeris, Thailand, Kampuchea dan Indonesia. Oleh itu, jika tenaga pengajar dipilih dari individu yang menguasai bahasa Inggeris akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih mudah dan berkesan untuk menerapkan ilmu pendidikan agama dalam kalangan Saudara Baru kerana kebanyakan daripada mereka menggunakan dan memahami bahasa Inggeris dengan baik berbanding bahasa Melayu.²³² Pembuktian kepada situasi ini dikuatkan lagi dengan pengalaman pengkaji sendiri yang menghadiri kelas-kelas pengajaran dan bimbingan yang disediakan kepada Saudara Baru. Malahan dalam hal ini, bahasa turut menjadi penghalang utama untuk Saudara Baru memahami pengajian Islam dengan baik²³³.

e) Unit Saudara Baru JAWI Dinaikkan Taraf

Pada masa ini hal-ehwal berkaitan Saudara Baru dikendalikan oleh satu unit kecil yang dikenali sebagai Unit Saudara Baru, yang diletakkan di bawah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan bilangan

²³¹ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

²³² Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

²³³ Pengkaji seringkali ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam.

kakitangan yang kecil.²³⁴ Oleh kerana kajian ini telah membuktikan bahawa jumlah Saudara Baru di Wilayah Persekutuan semakin meningkat,²³⁵ maka ramai pihak responden mencadangkan supaya Unit Saudara Baru Jawi ini dibesarkan menjadi Bahagian dengan pelbagai cawangan dan jumlah kakitangan ditambah untuk menguruskan hal-ehwal Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini. Pewujudan unit ini sebagai “Bahagian” dijangkakan dapat membantu melicinkan lagi urusan pentadbiran berkaitan Saudara Baru. Begitu juga dengan penambahan bilangan kakitangan akan lebih menjamin keberkesanan segala program, tindakan dan maklumbalas yang diperlukan bagi mengendalikan sebarang kes berkaitan Saudara Baru.²³⁶

f) Masalah Tempat Belajar Kurang Sesuai

Para responden mengakui ramai dalam kalangan mereka didapati tidak dapat hadir atau sering hadir lambat ke kelas pengajian agama. Perkara ini dikenal pasti berlaku kerana jarak tempat kediaman atau tempat berkerja adalah jauh. Para responden mengakui bahawa adakalanya mereka terperangkap dalam kesesakan jalan raya dan sebagainya. Bagi Saudara Baru yang berkerja pada waktu pejabat memang tidak dapat hadir ke tempat belajar kerana kelas pengajian agama biasanya diadakan pada waktu pejabat.²³⁷ Untuk mengatasi masalah ini pihak pengurusan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAWI) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

²³⁴ Lihat <http://www.jawi.gov.my/>, tarikh akses 21 Januari 2012.

²³⁵ Lihat Bab 3: Latarbelakang Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

²³⁶ Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, pada 1hb Mac 2010 di JAWI jam 10.00 pagi.

²³⁷ Pandangan ini dikeluarkan oleh 30 responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada ...16.03.2010 ..apabila ditanya apakah mereka mempunyai masalah untuk menghadiri kelas bimbingan dan latihan yang disediakan.

hendaklah membuka beberapa kelas pengajian agama berdekatan dengan rumah Saudara Baru, melantik para wakil daripada tempat kediaman Saudara Baru untuk membimbing para Saudara Baru mengenai pelajaran agama dan membuka kelas-kelas pengajian pada waktu malam.^{238, 239} Untuk mengelakkan rasa kurang puas hati pihak penganjur membuka kelas malam kerana bimbang keselamatan pelajar, disyorkan supaya membuka kelas di tempat ramai orang berkunjung atau sentiasa terdapat orang ramai di waktu malam.

g) Penubuhan Institut Pengajian Agama Islam Kepada Saudara Baru

Rata-rata responden yang diwawancara menyatakan hasrat mereka untuk melihat tertubuhnya sebuah Institut Pengajian Agama Islam khusus bagi Saudara Baru.²⁴⁰ Perkara ini dilihat sebagai suatu yang wajar berdasarkan kepada prestasi kemajuan kelas pengajian agama Islam Saudara Baru di JAWI dan PERKIM. Membuat satu perubahan bagi menaikkan taraf pendidikan dan pembelajaran dengan mewujudkan sebuah Institusi Pengajian Agama Islam kepada Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bersistematik dan tidak seperti yang ada pada hari ini hanya sekadar kelas-kelas pengajian sementara bertempat di JAWI dan PERKIM adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh pihak Saudara Baru.²⁴¹ Malah, mereka berpandangan sekiranya pihak institut dapat mengeluarkan sijil atau diploma

²³⁸ Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 1hb Mac 2010 di JAWI jam 10.00 pagi.

²³⁹ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi

²⁴⁰ Pertanyaan ini telah ditujukan kepada lebih dari 30 responden di JAWI dan PERKIM pada 15.03.2010

²⁴¹ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

mahupun ijazah, maka ia adalah suatu usaha yang amat dialu-alukan.²⁴² Malah, tokoh pendakwah seperti Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dari PERKIM dan Ustaz Haji Ann Wan Seng dari pertubuhan MACMA serta Ustaz MD.Tahir Bin MD. Yusoff seorang tenaga pengajar di kelas bimbingan Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur berpendapat, penubuhan Institut Pengajian Agama Islam Saudara Baru ini boleh menjadi pusat pendidikan, pembelajaran dan penginapan kepada mereka yang tiada keluarga atau disisihkan oleh keluarga masing-masing.²⁴³ Terbangunnya sebuah Institusi Pengajian Agama Islam ini akan memantapkan lagi akidah dan pegangan Islam dalam kalangan Saudara Baru.

h) Mewujudkan Ahli Jawatankuasa Pemantau Bagi Institusi Pengajian Agama Islam bagi Saudara Baru Yang Dicadangkan

Institusi Pengajian Agama Islam untuk Saudara Baru yang dicadangkan penubuhannya ini bertujuan supaya para Saudara Baru dapat berdaftar dan belajar agama Islam dengan selesa. Di institut ini, kelas-kelas pengajian Islam seperti pengajian al-Qur'an, pengajian tauhid, fekah, bahasa Arab, tafsir al-Qur'an, sirah nabi, fardhu ain, pengajian Hadith dan lain-lain lagi diadakan. Malahan ia juga boleh menganjurkan pelbagai kursus jangka pendek dan jangka panjang seperti kursus persediaan para pendakwah dan sebagainya.²⁴⁴ Persediaan makmal komputer dan kelas pengajiannya juga adalah penting bagi mengikuti peredaran zaman dan arus pembangunan yang begitu cepat dalam era zaman globalisasi yang amat

²⁴² Pandangan ini dikeluarkan oleh 30 responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada 15.03.2010 apabila ditanya kenapakah mereka merasakan perlu ditubuh Institut Pengajian Agama Islam khusus untuk Saudara Baru.

²⁴³ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

²⁴⁴ Temubual dengan Mubaligh di Caw.Saudara Baru Jawi, MD.Tahir Bin MD. Yusoff, 15hb Mac 2010 jam 10.00 pagi.

mementingkan sistem maklumat. Ini adalah untuk memastikan Saudara Baru tidak tertinggal dalam kemajuan sains komputer dan teknologi maklumat. Institusi ini juga boleh melatih Saudara Baru menjadi pendakwah dan tenaga pengajar serta menjaga kebajikan para Saudara Baru yang lain.

Asrama penginapan hendaklah dibina supaya Saudara Baru yang tidak memiliki kediaman dapat tinggal sekaligus mengatasi masalah kesesakan jalanraya.²⁴⁵ Cadangan tapak institut ini dibuat di tanah-tanah wakaf di sekitar Kuala Lumpur atau di tanah kerajaan.²⁴⁶ Dengan tertubuhnya institut ini, maka diharapkan pegangan agama Islam dalam diri Saudara Baru dapat dimantapkan lagi.²⁴⁷

Namun begitu bagi memastikan keberkesanan dan kelicinan jentera pentadbiran di institut berkenaan berjalan dengan sempurna, satu jawatankuasa pemantau perlulah dilantik. Dan ahli-ahli dalam jawatankuasa yang dilantik ini adalah disyorkan dipilih dari pelbagai jabatan yang dikenalpasti boleh memberi komitmen yang tinggi dalam urusan pemantauan tersebut. Contoh atau cadangan bilangan ahli-ahli untuk tugas-tugas pemantauan yang disyorkan adalah seperti berikut dalam jadual 18 :²⁴⁸

²⁴⁵Pandangan ini dipersetujui oleh 30 responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada 15.03.2010.apabila ditanya tentang kewajaran Aktiviti Mengziarahi Saudara Baru.

²⁴⁶ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi.

²⁴⁷ Temubual dengan Mubaligh di Caw.Saudara Baru Jawi, MD.Tahir Bin MD. Yusoff, 15hb Mac 2010 jam 10.00 pagi.

²⁴⁸ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30November 2010 jam 10.00 pagi

Jadual 18 : Cadangan Ahli Jawatankuasa Pemantau Institusi Islam Saudara Baru

Ahli Jawatankuasa Pemantau Institusi Islam Saudara Baru			
Bil.	Jabatan/Agensi	Bil. Ahli	Peranan
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	1	Selaku Pengerusi
2.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan K.L (JAWI)	5	Ahli
3.	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)	5	Ahli
4.	Pertubuhan–pertubuhan NGO Islam Lain	5	Ahli
5.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	2	Ahli (Perlantikan diperlukan untuk memastikan tiada penyelewengan berlaku dalam pentadbiran)
4.	Institusi Pengajian Tinggi. Wakil setiap bidang pengajian .	5	Ahli (Perlantikan perlu untuk memberi nasihat dan pandangan dalam setiap aspek)
6.	Institut Kemajuan Islam Malaysia	2	Ahli (Perlantikan perlu untuk memberi nasihat dan pandangan pelbagai aspek)

Ahli jawatankuasa yang dicadangkan ini juga boleh ditugaskan untuk membuat tugas-tugas berikut:-

- i. Memantau pengurusan dan pentadbiran institut.²⁴⁹
- ii. Memantau keberkesanan institut dalam usaha untuk menerapkan ajaran Islam dari segi pemahaman, penerimaan, dan penghayatan setiap pelajaran di kalangan para Saudara Baru.²⁵⁰
- iii. Memantau kecekapan dan kefahaman, serta kebolehan mengajar oleh para tenaga pengajar dalam bidang yang diajarnya.²⁵¹
- iv. Memantau disiplin pelajar untuk menjadikan mereka benar-benar berdisiplin dalam hidup mereka selaras dengan ajaran Islam.²⁵²
- v. Memantau pengurusan asrama dan makmal komputer.²⁵³
- vi. Memantau pemberian insentif seperti elaun kehadiran kelas, pemberian biasiswa atau pinjaman pelajaran dan memastikan para Saudara Baru diberi zakat yang sepatutnya.²⁵⁴
- vii. Mengadakan mesyuarat dan perbincangan secara berkala dengan pihak institut bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan pentadbiran institut.²⁵⁵
- viii. Merekod dan menyediakan laporan bulanan/tahunan untuk tindakan pihak atasan seterusnya.²⁵⁶

²⁴⁹ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi.

²⁵⁰ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi.

²⁵¹ Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

²⁵² Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi.

²⁵³ Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi.

²⁵⁴ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

²⁵⁵ Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 1hb Mac 2010 di JAWI jam 10.00 pagi.

i) Kekerapan Aktiviti Menziarahi Saudara Baru

Aktiviti ziarah para Saudara Baru wajar sentiasa diadakan untuk memantau penghidupan Saudara Baru dan merapatkan tali silaturahim di antara pihak JAWI dan PERKIM serta badan-badan dakwah yang lain. Kesemua responden seramai 20 orang yang diwawancara bersetuju bahawa tujuan aktiviti ziarah mestilah diadakan untuk proses pemantauan dan untuk mengetahui tahap kefahaman Islam dalam kalangan Saudara Baru, mendengar masalah-masalah Saudara Baru dan menyempurnakan kehendak Saudara Baru dengan penuh kasih sayang. Selain itu, responden-responden ini juga merasakan bahawa program menziarahi Saudara Baru yang sakit atau bermasalah hendaklah sentiasa diadakan yang bertujuan untuk memberi perangsang kepada Saudara Baru agar mereka cepat sembuh dan untuk menunjukkan bahawa agama Islam amat mengambil berat dan menggalakkan umatnya sentiasa menziarahi orang sakit dan susah bagi meringankan bebanan psikologi mereka.²⁵⁷

j) Melantik Seorang Menteri Untuk Menjaga Hal-Ehwal Saudara Baru

Seorang Menteri Kabinet hendaklah dilantik untuk menjaga hal-ehwal Saudara Baru supaya sebarang isu berkaitan Saudara Baru boleh dibawa ke Parlimen

²⁵⁶ Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 1hb Mac 2010 di JAWI jam 10.00 pagi.

²⁵⁷ Pandangan ini dipersetujui oleh 30 responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada 15.03.2010.apabila ditanya tentang kewajaran Aktiviti Meziarahi Saudara Baru.

untuk dibahaskan.²⁵⁸ Selain itu Menteri tersebut juga boleh mengemukakan sebarang isu berkaitan Saudara Baru terus kepada Perdana Menteri atau Jemaah Menteri untuk perbincangan dan penyelesaian. Dengan adanya Menteri Kabinet, lebih banyak peruntukkan dalam bentuk kewangan boleh disalurkan untuk urusan pengendalian Saudara Baru. Malah tokoh pendakwah seperti Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dari PERKIM dan Ustaz Haji Ann Wan Seng dari pertubuhan MACMA berpendapat adalah lebih baik sekiranya menteri yang dilantik itu adalah daripada kalangan Saudara Baru sendiri kerana dia akan lebih memahami situasi dan penghidupan seorang Saudara Baru.²⁵⁹

k) Melantik Tenaga Pengajar di Kawasan Kediaman Saudara Baru

Dalam memperkasakan proses pemantauan secara berterusan, tokoh pendakwah seperti Ustaz Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dari PERKIM dan Ustaz Haji Ann Wan Seng dari pertubuhan MACMA serta Ustaz MD.Tahir Bin MD. Yusoff tenaga pengajar di kelas bimbingan Islam untuk Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur telah mencadangkan Pihak JAWI supaya dapat mengenal pasti setiap lokasi kediaman Saudara Baru yang berdaftar di JAWI. Misalnya kediaman Saudara Baru di lokasi Taman Seputeh, Kuala Lumpur hendaklah dilantik seorang yang boleh menjadi tenaga pengajar dan pemantau kepada para Saudara Baru di sana. Misalannya seorang Imam dari masjid atau surau di lokasi tersebut boleh dilantik untuk menjadi tenaga pengajar agama Islam kepada para Saudara Baru yang tinggal di lokasi berkenaan.

²⁵⁸Pandangan ini dipersetujui oleh 30 responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada 15.03.2010. apabila ditanya tentang kewajaran Pelantikan Menteri Kabinet untuk Menjaga hal Ehwal Saudara Baru.

²⁵⁹Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln.Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

Menurut Ustaz MD. Tahir Md. Yusoff,²⁶⁰ selain mengajar agama Islam, individu yang dilantik ini hendaklah sentiasa mendampingi Saudara Baru dan menjaga kebajikan Saudara Baru serta menghantar laporan kemajuan penghayatan agama Islam Oleh Saudara Baru serta apa-apa sahaja isu yang berkaitan dengan Saudara Baru kepada pihak JAWI pada setiap bulan untuk tindakan selanjutnya. Kaedah ini memberi ruang kepada Saudara Baru untuk memantapkan lagi pegangan Islam di kalangan mereka dan menjamin kebajikan mereka.²⁶¹

1) Menyediakan Peluang Pekerjaan Dan Peluang Perniagaan Kepada Saudara Baru

Para responden juga bersetuju supaya kerajaan lebih pro aktif dalam membantu masalah kewangan dan sara diri mereka. Justeru Saudara Baru mencadangkan agar kerajaan dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan yang banyak untuk mereka.²⁶² Perkara ini penting supaya mengelakkan Saudara Baru daripada menghadapi masalah kewangan yang boleh membantutkan pegangan dan penghayatan agama Islam oleh Saudara Baru dan seterusnya menghindarkan mereka daripada kembali kepada agama asal. Pemerhatian ikut serta serta pengalaman pengkaji bersama dengan Saudara Baru mendapati masalah kewangan menjadi salah satu perkara penting dalam membina kemantapan akidah Islam Saudara Baru. Ini adalah kerana para pendakwah agama-agama lain, terutama Kristian menjadikan bantuan kewangan kepada Saudara Baru yang miskin dan tiada pendapatan tetap

²⁶⁰ Temubual dengan Mubaligh di Caw.Saudara Baru Jawi, MD.Tahir MD. Yusoff 15hb Mac 2010 jam 10.00 pagi.

²⁶¹ Temubual dengan Mubaligh di Caw.Saudara Baru Jawi, MD.Tahir MD. Yusoff 15hb Mac 2010 jam 10.00 pagi.

²⁶² Seramai 30 orang responden (yang juga adalah para responden yang mengisi borang soal selidik) yang diwawancara di JAWI dan PERKIM pada..... bersetuju dengan siu ini.

sebagai suatu sistem bujukan untuk mengeliru dan mengajak mereka keluar dari agama Islam.²⁶³

Oleh yang demikian, pihak JAWI, JAKIM, Masjid Negara, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan agensi-agensi swasta seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Malaysian Chinese Muslim Ummah (MACMA), Persekutuan Persatuan India Muslim Malaysia (PERMIM) dan lain-lain badan NGO wajar memainkan peranan penting dalam usaha mencari dan memberikan pekerjaan kepada Saudara Baru yang menganggur atau masih bekerja di tempat-tempat yang bercanggah dengan ajaran Islam. Kerajaan juga hendaklah menguatkuasakan undang-undang melarang umat Islam bekerja di tempat-tempat yang bercanggah dengan ajaran Islam serta mendenda majikannya dengan denda yang berat.²⁶⁴ Pelbagai usaha boleh dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti di atas untuk menjayakan hasrat yang murni ini. Di antaranya ialah seperti berikut:-²⁶⁵

- i. Membuka kaunter pendaftaran bagi Saudara Baru yang memerlukan pekerjaan. Segala maklumat berkaitan Saudara Baru hendaklah direkod dan disimpan dalam fail atau pangkalan data.
- ii. Mengadakan perjumpaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, persatuan-persatuan yang mewakili

²⁶³Perbualan dengan seorang Saudara Baru bernama Muhammad Ali bin Abdullah di Mantin Negeri Sembilan pada tahun 2008, yang murtad kerana memeluk agama kristian, Beliau mengatakan orang kristian selalu membantu keluarganya dengan bantuan kewangan, ramah mesra dan sentiasa menjaga kebajikan anak-anaknya.

²⁶⁴Usaha ini dicadangkan berdasarkan perbincangan dengan para responden, para tokoh yang diwawancara serta hasil daripada pemerhatian ikut serta dan pengalaman pengkaji sendiri dalam kehidupan seharian dan interaksi pengkaji dengan Saudara Baru yang lain.

²⁶⁵ Usaha ini dicadangkan berdasarkan perbincangan dengan para responden, para tokoh yang diwawancara serta hasil daripada pemerhatian ikut serta dan pengalaman pengkaji sendiri dalam kehidupan seharian dan interaksi pengkaji dengan Saudara Baru yang lain.

agensi-agensi swasta seperti persatuan syarikat-syarikat insuran, persatuan peniaga-peniaga Bumiputra, persatuan pengusaha-pengusaha restoran dan berpuluh-puluh persatuan lain untuk membincangkan usaha-usaha murni dalam menjana peluang pekerjaan kepada para Saudara Baru.

- iii. Menjadi agen mencari pekerjaan bagi sektor swasta. Ini bermaksud mana-mana syarikat, kilang, pejabat swasta, pengusaha restoran makanan dan minuman, hotel, persatuan yang memerlukan pekerja boleh menghantar permohonan ke agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mengendalikan hal ehwal para Saudara Baru.
- iv. Mencadang dan meminta pihak kerajaan tempatan untuk memberi lesen-lesen perniagaan bagi Saudara Baru yang ingin berniaga seperti lesen kedai runcit kedai makanan, lesen penjaja dan sebagainya.
- v. Mengenal pasti tapak-tapak perniagaan dan membantu mendapatkan sumber-sumber kewangan daripada hasil zakat dan pinjaman dari bank-bank tempatan atau institusi kewangan yang lain. Tapak-tapak perniagaan boleh disediakan di tempat-tempat atau tanah milik kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- vi. Mengadakan perbincangan terus dengan Perdana Menteri dalam usaha menjana peluang pekerjaan yang mencukupi untuk para Saudara Baru.

m) Melatih Saudara Baru Menjadi Pendakwah

Pihak kerajaan hendaklah mengambil satu langkah yang penting untuk melatih para Saudara Baru untuk menjadi pendakwah yang mempunyai ciri-ciri pendakwah selaras dengan kemahuan Islam. Pendidikan yang cukup berkaitan aktiviti

dakwah hendaklah disalurkan dengan betul kepada Saudara Baru supaya mereka boleh menjadi seorang pendakwah yang mahir dan hebat. Sekurang-kurangnya seorang Saudara Baru yang menjadi pendakwah sudah pasti memiliki pegangan agama Islam yang mantap dan teguh. Sebagai seorang pendakwah ia boleh berdakwah untuk mengembangkan lagi ajaran Islam serta menyahut seruan Nabi Muhammad S.A.W untuk mengembangkan ajaran Islam.²⁶⁶ Seseorang Saudara Baru yang dilantik sebagai seorang pendakwah haruslah memiliki peribadi seperti berikut:²⁶⁷

- i. Kekuatan akidah, keimanan yang jelas, mempunyai kekuatan jasmani dan rohani.
- ii. Cintakan Allah S.W.T dan RasulNya.
- iii. Al-Qur'an dan al-Sunnah menjadi pegangan dan panduan yang utama.
- iv. Akhlak terpuji dan sentiasa berusaha untuk meninggalkan akhlak yang buruk.
- v. Mempunyai motivasi dan berkeyakinan tinggi serta sentiasa beristiqamah.
- vi. Sentiasa bertawakal, ikhlas dalam ibadah dan pekerjaan.

n) Melantik Tenaga Pengajar yang Mahir Dan Berpengalaman

Sepertimana dibincangkan berkenaan “Permasalahan Saudara Baru” di atas, pelbagai masalah timbul dalam memberi bimbingan dan latihan kepada para

²⁶⁶ Usaha ini dicadangkan berdasarkan perbincangan dengan para responden, para tokoh yang diwawancara serta hasil daripada pemerhatian ikut serta dan pengalaman pengkaji sendiri dalam kehidupan seharian dan interaksi pengkaji dengan Saudara Baru yang lain.

²⁶⁷ Lihat perbincangan mengenainya dalam Zakaria Stapa (2003), “Cabaran Era Globalisasi terhadap keterampilan Pendakwah”, dalam Zulkiple Abd Ghani *et al.*, *Dakwah Dalam Perspektif Sosio-Budaya*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, h. 35-46.

Saudara Baru akibat daripada perlantikan tenaga pengajar yang kurang mahir dan kurang berkebolehan. Justeru, ramai Saudara Baru tidak mendapat pelajaran yang sempurna sehingga pegangan mereka terhadap agama Islam masih tidak kukuh serta goyah. Saudara Baru masih kurang memahami ajaran Islam dengan baik kerana tidak diterapkan ajaran Islam dengan sempurna kepada mereka. Oleh yang demikian disyorkan supaya pihak kerajaan dan swasta yang mengendalikan kelas bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru supaya betul-betul mengenalpasti kebolehan seseorang sebelum melantiknya sebagai tenaga pengajar yang bakal membimbing para Saudara Baru.²⁶⁸ Tenaga Pengajar yang dipilih itu mestilah mempunyai kriteria-kriteria berikut:-²⁶⁹

- i. Mahir dalam bidang yang bakal diajar.
- ii. Mendapat pengiktirafan dari institusi pendidikan Islam yang berdaftar.
- iii. Berhemah, rajin, amanah, sabar, dedikasi dan jujur.

Disyorkan juga atas permintaan beberapa tokoh Saudara Baru di negara ini supaya pihak kerajaan dan swasta melantik ramai tenaga pengajar untuk kelas-kelas bimbingan agama Islam untuk para Saudara Baru dari kalangan Saudara Baru yang menepati ciri-ciri tenaga pengajar seperti di atas. Syor ini dibuat kerana para tenaga pengajar dari kalangan Saudara Baru mudah berinteraksi dengan pelajar dari kalangan Saudara Baru dan mudah memahami masalah para Saudara Baru yang baru memeluk agama Islam.²⁷⁰

²⁶⁸ Usaha ini dicadangkan berdasarkan perbincangan dengan para responden, para tokoh yang diwawancara serta hasil daripada pemerhatian ikut serta dan pengalaman pengkaji sendiri dalam kehidupan seharian dan interaksi pengkaji dengan Saudara Baru yang lain.

²⁶⁹ Kriteria ini dikemukakan berdasarkan pemerhatian ikut serta dan pengalaman pengkaji selama mengikuti kelas-kelas bimbingan dan latihan di JAWI Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2004 hingga 2011

²⁷⁰ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln.

o) Mengwujudkan Jawatankuasa Pemantau Kelas-Kelas Bimbingan Agama Islam

Hasil perbincangan dengan para tokoh yang berpengalaman dalam berinteraksi dengan Saudara Baru seperti tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Baru bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan pada 30 November 2010 jam 10.00 pagi dan Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Baru bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan pada 30 November 2010 jam 2.00 petang serta Ustaz Haji Ann Wan Seng tokoh pendakwah dari MACMA di pejabat MACMA Jln. Ipoh Kuala Lumpur pada 22 MAC 2010, jam 5 petang, ketiga-tiga tokoh tersebut mengesyorkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa pemantau untuk memantau kelas-kelas bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru. Jawatankuasa ini hendaklah memastikan setiap kelas bimbingan berjalan dengan betul serta lancar dan dapat pula mencapai matlamatnya untuk memantapkan pegangan ajaran Islam di dalam kalangan para Saudara Baru.

Ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada pihak kerajaan yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi swasta untuk memastikan keberkesanan kelas-kelas bimbingan tersebut dapat dicapai.²⁷¹ Menurut Ustaz Haji Ann Wan Seng tokoh pendakwah dari MACMA, kerajaan haruslah menyediakan satu geran kewangan yang mencukupi untuk kegunaan jawatankuasa pemantau ini dalam

Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang. Pemantau untuk memantau pengendalian kelas-kelas bimbingan agama Islam di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur agar ia berjalan

²⁷¹ Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln.Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

menjalankan tugas mereka . Ahli jawatankuasa ini juga boleh ditugaskan untuk membuat tugas-tugas berikut:-

- i. Mengkaji sejauh mana keberkesanan kelas bimbingan agama Islam yang berkenaan dalam usaha untuk menerapkan ajaran Islam dalam diri para Saudara Baru dari segi pemahaman, penerimaan, dan penghayatan setiap pelajaran di kalangan para Saudara Baru.

- ii. Memantau kecekapan mengajar dan kefahaman bidang yang diajar , serta kebolehan mengawal keadaan dalam kelas oleh para tenaga pengajar semasa mengajar.

- iii. Memantau kehadiran para pelajar dan tenaga pengajar ke kelas bimbingan agama tersebut mengikut masa, jumlah kehadiran pelajar dan kesungguhan pelajar menghadiri kelas-kelas bimbingan agama Islam yang dianjurkan serta menyediakan laporan kehadiran pelajar.

- iv. Memantau persediaan pihak pengajur dalam menganjurkan sesuatu kelas bimbingan agama Islam dari segi persediaan buku-buku, nota, kemudahan meja kerusi, ruang belajar yang memuaskan, peralatan mengajar dan sebagainya.

- v. Mengadakan mesyuarat dan perbincangan secara berkala dengan pihak penganjur kelas bimbingan agama untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pengelolahan kelas bimbingan agama Islam. Ahli Jawatankuasa ini juga patut berjumpa dengan para Saudara Baru untuk mendapatkan reaksi dan komen mengenai pengelolaan kelas bimbingan agama Islam yang disediakan untuk mereka serta cadangan para Saudara Baru mengenai apa jua hal berkaitan kelas bimbingan agama Islam terutamanya dalam meningkatkan mutu pengajaran.

- vi. Merekod dan menyediakan laporan bulanan untuk tindakan pihak atasan seterusnya. Satu laporan hendaklah dikeluarkan untuk makluman dan tindakan penganjur kelas bimbingan agama Islam di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- vii. Menilai kebolehan para pelajar dan memilih pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian agama Islam di peringkat tinggi seperti di kolej atau di universiti tempatan mahupun luar negara. Mereka juga harus memastikan semua perbelanjaan untuk pengajian Saudara Baru ini hendaklah ditanggung oleh kerajaan dan tajaan daripada pihak swasta hendaklah digalakkan

Adalah disyorkan juga ahli-ahli jawatankuasa tersebut dipilih seperti berikut di jadual

19 :-

Jadual 19: Cadangan Ahli Jawatankuasa Pemantau Kelas-Kelas Bimbingan Agama Islam di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Ahli Jawatankuasa Pemantau Kelas-Kelas Bimbingan Agama Islam di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur			
Bil.	Jabatan/Agensi	Bil.Ahli	Peranan
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	4	Sebagai Ketua Jawatan Kuasa
2.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan K.L (JAWI)	5	Ahli
3.	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)	5	Ahli
4.	Pertubuhan–Pertubuhan NGO Islam Lain	5	Ahli
5.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	2	Ahli (Perlantikan diperlukan untuk memastikan tiada penyelewengan berlaku dalam urusan pengendalian kelas.)
4.	Institusi Pengajian Tinggi (Pakar Akademik)	1	Ahli (Perlantikan perlu untuk memberi nasihat dan pandangan untuk kebaikan kelas-kelas bimbingan agama.)

4.3 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan dan analisa kajian dalam bab ini menunjukkan bahawa Saudara Baru atau mualaf memang menghadapi pelbagai masalah dalam mengharungi kehidupan harian mereka sebagai penganut agama Islam. Bimbingan dan pemantauan yang kurang sempurna daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab menyebabkan

mereka masih kurang memahami dan mengetahui ajaran Islam dari segi fiqh, fardhu ain, tauhid dan al-Qur'an. Oleh yang demikian disyorkan pandangan dan cadangan para tokoh agama Islam, para Saudara Baru dan observasi penulis ini diterima sebagai satu kaedah penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru bukan sahaja dari segi pendidikan agama malah dari segi kehidupan harian Saudara Baru sebagai seorang penganut agama Islam.